

| |
|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia |
| <input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia |
| Tarikh: 7/7/2011 |
| Hari: Khamis M/S: 16 |
| Ruangan: DAPAM MEGERI |

TM jayakan Kongres Profesor Negara

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL

KONGRES Profesor Negara bermula semalam hingga 8 Julai ini menyaksikan penglibatan syarikat Telekom Malaysia Berhad (TM) yang turut memberi sumbangan bagi menjayakan forum intelektual yang julung kali diadakan di ibu negara ini.

Acara besar sempena setahun penubuhan Majlis Profesor Negara ini menghimpunkan lebih 1,000 orang profesor tempatan juga profesor jemputan daripada beberapa negara antaranya Myanmar dan Amerika Syarikat selain pensyarah asing yang berkhidmat di institusi-institusi pengajian tinggi negara.

Ketua Pegawai Pemasaran TM Berhad, Rozalila Abdul Rahman berkata, TM merasa bangga dapat melibatkan diri dalam kongres yang bersifat intelektual dan menjadi wadah kepada para profesor menjalinkan kerjasama merentasi disiplin ilmu dan institusi.

Beliau memberitahu, TM akan menyediakan siaran langsung video bagi membolehkan Profesor Dr. Michael E. Porter di Boston, Amerika Syarikat menyampaikan ucapannya dan dihubungkan dengan anggota kongres di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)



PENGARAH Kongres Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak (tiga dari kiri) berbincang sesuatu dengan Prof. Dr. Raduan Che Rose (dua dari kiri) sambil diperhatikan Prof. Datuk Dr. Mohd. Amin Jalaludin (kiri sekali), Prof. Dr. Abdul Rahman Aziz (dua dari kanan) dan Prof. Dr. Mansor Mohd. Noor (kanan sekali) pada sidang akhbar Kongres Profesor Negara di Kuala Lumpur.

di Kuala Lumpur.

"Selain itu, TM juga akan menaja Makan Malam Global Premier dan menyediakan saluran liputan khas bagi membolehkan pelajar Universiti

Multimedia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menyaksikan Perbincangan Makan Malam itu melalui Internet dan akan berlangsung juga sesi soal jawab

membabitkan ahli akademik dengan pelajar.

"Bagi merencanakan lagi kongres ini, TM menyiarkan Perbincangan Makan Malam ini melalui Hypp TV,"

katanya pada sidang akhbar sempena kongres itu baru-baru ini.

Pada sidang media itu juga, Rozalila turut menyampaikan cek penajaan kepada Pengarah Strategik Yayasan Wangsa Perdana, Meor A. Rashidi.

Turut hadir Timbalan Pengerusi MPN, Prof. Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Setiausaha MPN, Prof. Dr. Raduan Che Ros dan Pengarah Kongres Profesor Negara, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Kongres itu bermula semalam dengan menyaksikan sarjana Myanmar yang pernah bertugas dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Prof. May Htun menyampaikan syarahan bertajuk *Menghubungkan Sains Tulen dan Sains Sosial*.

Turut menyampaikan syarahan pada hari pembukaan ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan tajuk *Mentransformasikan Negara Melangkaui 2020*.

Kongres di Pusat Dagangan Dunia Putra itu bakal menghimpunkan seramai lebih 1,000 orang Profesor, sekali gus menjadi satu perhimpunan terbesar ahli akademik yang pernah dianjurkan di negara ini.

Antara pengisian penting kongres itu yang perlu diberi perhatian adalah ucapan oleh Perdana Menteri,

Datuk Seri Najib Tun Razak pada hari ini yang dijangka menyentuh mengenai transformasi negara.

Ucaptama beliau itu kemudiannya akan dirumus oleh Profesor dari Sekolah Perniagaan Harvard, Prof. Dr. Michael E. Porter dengan Datuk Dr. Mahani Zainal Abidin bertindak sebagai moderator.

Sementara itu, Shamsul Amri berkata, kongres ini merupakan sesuatu yang istimewa kerana dua pemimpin tertinggi negara akan mengahdirinya iaitu Perdana Menteri yang merasmikannya manakala Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hadir pada majlis penutup.

"Rumusan akan dibuat pada hari terakhir bengkel dengan satu resolusi akan dibentangkan oleh Pengarah Kongres MPN, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang kemudiannya akan diserahkan kepada Muhyiddin oleh Pengerusi MPN, Prof. Emeratus Datuk Dr. Zakri Abdul Hamid," katanya.

Kongres ini turut ditaja bersama oleh Huawei Technologies, UEM Group, Sime Darby, FELCRA Berhad, Bank Rakyat, Bina Puri Holdings Berhad, Bank Simpanan Nasional, SME Bank, RISDA, Permodalan Nasional Berhad, Majlis Amanah Rakyat dan Taylors University.